

27 JUL 2000

BERNAS LANCAR PERKHIDMATAN SOKONGAN KESIHATAN

KANGAR, 27 Julai (Bernama) -- Padiberas Nasional Berhad (Bernas) hari ini melancarkan perkhidmatan sokongan kesihatan di Perlis dengan menyumbangkan sebuah van untuk kemudahan pengangkutan pesakit di kalangan pesawah.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim ketika melancarkan perkhidmatan itu di Tambun Tulang berharap usaha murni Bernas itu dicontohi oleh pihak lain kerana ia merupakan sumbangan bernilai kepada golongan yang tidak mempunyai kemudahan pengangkutan sempurna.

Katanya, walaupun kemudahan itu akan memberi kemudahan terutama di kawasan pertanian padi namun ia juga boleh dikembangkan di kawasan-kawasan lain yang memerlukan perkhidmatan itu.

Van berharga lebih RM100,000 itu akan menyediakan perkhidmatan membawa pesawah ke pusat-pusat kesihatan atau Hospital Kangar.

Pengerusi Bernas Datuk Seri Mohammad Noor Abdul Rahim berkata perkhidmatan itu adalah sebagai sokongan Bernas kepada kerajaan ke arah meningkatkan tahap kesihatan rakyat selain membalas budi baik pesawah kepada Bernas.

"Para pesawah adalah rakan kongsi kepada Bernas dan mereka juga adalah golongan penting dalam industri makanan negara," katanya.

Sebelum ini Bernas mewujudkan Dana Pendidikan Anak Pesawah Cemerlang yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kedah pada November tahun lepas.

-- BERNAMA

AD MAI